

mm 02/09/2001 17:5 UUM 12

Sultan saran UUM tawar kursus pengurusan pertanian

SINTOK 1 Sept. — Sultan Kedah menyarankan agar Universiti Utara Malaysia (UUM) menawarkan kursus pengurusan pertanian dalam penstrukturan semula program pengajiannya sesuai dengan kepentingan sektor tersebut terhadap pembangunan negeri ini.

Baginda yang juga Canselor UUM bertitah, program baru itu bukan sahaja dapat membantu pembangunan sektor pertanian tetapi juga berkait rapat dengan aktiviti utama di negeri ini.

“Krisis kewangan Asia Timur 1997 dan 1998 telah menimbulkan kesedaran tentang pentingnya sektor pertanian dalam pembangunan negara.

“Pembangunan tidak mampu bertahan hanya dengan pembangunan sektor pembuatan dan perkhidmatan,” titah baginda pada majlis konvokesyen ke-14 UUM di Dewan Mu’adzam Shah di sini, hari ini.

Sultan Kedah bertitah, kursus itu wajar diperkenalkan lebih-lebih lagi dengan penekanan yang diberikan kerajaan khususnya dalam konteks keselamatan bekalan makanan dan mengurangkan import makanan.

Titah baginda, pembangunan sektor pertanian perlu seiring dengan sektor lain seperti yang berlaku di kebanyakan negara maju.

Pada majlis konvokesyen itu, sebanyak 3,777 graduan menerima ijazah masing-masing yang terdiri daripada doktor falsafah (PhD), sarjana dan ijazah sarjana muda.

Menerima

Turut menerima sarjana ialah 69 pelajar dari Kemboja yang mengikuti program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) iaitu graduan sulung hasil daripada kerjasama antara UUM dengan National Institute of Management Kemboja.

Sultan Kedah turut berkenan menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Kerja Sosial) dan (Perakaunan) kepada dua tokoh iaitu bekas Ketua Pengarah Kebajikan Sosial Malaysia, Abdullah Malim Baginda dan Presiden Institut Akauntan Malaysia (MIA), Abdul Samad Alias.